

NISAN ACEH PLAK PLENG: JUMPAAN TERBAHARU DI LAMREH, ACEH BESAR, INDONESIA

*(ACEH TOMBSTONE OF PLAK PLENG: NEW FINDING IN LAMREH,
ACEH BESAR, INDONESIA)*

Muhammad Noval, Husaini Ibrahim & Mokhtar Saidin

Abstrak

Tapak arkeologi di Lamreh mempunyai tinggalan batu nisan kuno dengan berbagai jenis dan bentuk. Batu nisan tersebut merupakan kesan tinggalan daripada kerajaan Lamuri yang pernah wujud sekitar abad ke-11 sehingga 16 Masihi. Salah satu jenis nisan Aceh yang dijumpai di tapak Lamreh ialah nisan Plak Pleng yang diyakini sebagai nisan peralihan Hindu-Buddha kepada Islam. Nisan Plak Pleng mempunyai bentuk yang unik menyerupai bentuk stupa dan menhir. Malahan hiasan yang ada pada nisan ini hampir dengan ukiran yang terdapat pada bangunan suci Hindu dan Buddha. Kajian ini menggunakan kaedah survei dan pemetaan untuk menentukan taburan nisan dan mengkaji bagaimana ukiran corak pada nisan Plak Pleng. Justeru dengan adanya kajian ini diharapkan akan menambah rujukan dan ilmu pengetahuan tentang batu nisan Aceh di Aceh khususnya dan Asia Tenggara amnya.

Kata Kunci: Plak Pleng, Nisan Aceh, Lamreh

Abstract

Archaeological sites in Lamreh have ancient gravestones with various types and shapes. The tombstone is impression of the Lamuri kingdom which once existed around the 11-16th century. One type of Aceh gravestone found in the Lamreh site is Plak Pleng headstone which is believed to be a Hindu-Buddhist transition to Islam. Plak Pleng headstone has a unique shape that resembles the shape of stupas and menhirs. The decoration on the headstone is very similar to the carvings found in Hindu and Buddhist holy buildings. This study uses survey and mapping methods to determine gravestone sprinkles and examines how carvings on Plak Pleng gravestones. With this study, it is expected to increase the references and knowledge of Aceh tombstone in Aceh and Southeast Asia.

Keywords: *Plak Pleng, Aceh Tombstone, Lamreh*

Pengenalan

Batu nisan merupakan salah satu dari peninggalan kesenian Islam yang masih dapat dilihat hingga sekarang. Di Indonesia, nisan kubur dijumpai dengan berbagai bentuk dan ornamen. Bentuk batu nisan lazimnya dipengaruhi oleh unsur budaya sebelumnya atau kesinambungan daripada kebudayaan sebelumnya. Menurut Hasan (1998: 256) berdasarkan penyebarannya, nisan dapat

dibahagi menjadi empat jenis, iaitu Batu nisan Aceh, batu nisan Demak-Troloyo, batu nisan Bugis-Makassar, dan batu nisan jenis lokal.

Nisan Aceh merupakan salah satu jenis nisan kubur yang memiliki ciri dan bentuk yang unik dan kaya dengan hiasan jika dibandingkan dengan nisan kubur lainnya di Indonesia. Batu Aceh merupakan sebuah peninggalan kesenian Islam yang luar biasa jika dibandingkan dengan peninggalan kesenian Islam di Asia Tenggara (Perret & Razak 1999: 12). Bukan itu sahaja, Batu Aceh juga mempunyai keanekaragaman bentuk dan hiasan yang sangat mewah yang jarang dijumpai pada monumen lainnya. Malahan boleh menjadi sumber epigrafi Islam terawal di Asia Tenggara. Di sana banyak tertulis nama-nama raja dan para tokoh yang pernah memimpin pada masa dahulu. Motif dan reka corak pada batu Aceh ini merupakan media yang mempunyai elemen-elemen kesenian dan simbolisme tertentu. Beberapa prinsip penting agama Hindu masih jelas terlihat dalam menghasilkan batu nisan walaupun mereka meninggalkan pembuatan patung-patung. Puncaknya dapat dilihat wujud miniatur stupa candi yang nampak pada salah satu jenis nisan Aceh Plak Pleng (Othman 2002: 40).

Tradisi kesenian Islam pembuatan batu Aceh sebenarnya tidak hanya dijumpai di Indonesia tapi juga bertabur hingga beberapa buah negara di Asia Tenggara. Misalnya Malaysia, setakat ini telah dijumpai 400 makam yang telah dikenal pasti batu Aceh (Perret & Razak 1999: 22). Bukan itu sahaja, kawasan taburannya dimulai dari Pattani di Selatan Thailand, Brunei sehingga Pulau Sulawesi di Indonesia (Perret 2007: 317). Di Indonesia jumlah Batu Aceh mencapai ribuan buah yang tersebar di Sumatera, Jawa, Aceh dan Sulawesi (Perret & Razak 2017: 39). Wilayah Samudera Pasai dan Banda Aceh merupakan wilayah paling banyak batu Aceh di seluruh dunia Melayu (Perret 2017: 39). Taburan Batu Aceh keseluruh dunia Melayu telah menyebabkan kebudayaan Aceh terserap kepada kelompok bukan Aceh (Hassan 1998: 235). Sementara di Indonesia, wilayah lainnya yang dijumpai Batu Aceh ialah Medan, Barus di Sumatera Utara, Sumatera Selatan, Lampung, Pulau Bintan di Kepulauan Riau, di Jawa Barat, Banten, Jakarta, Jawa Tengah, Jawa Timur, Gresik, Kalimantan, Pontianak, Kalimantan Barat, Martapura dan Banjarmasin di Selatan Kalimantan, Sulawesi, dan Lombok Nusa Tenggara Barat (Perret 2017: 39).

Pada awalnya nisan Aceh hanya mempunyai fungsi sebagai tanda untuk membezakan bahagian kepala dan kaki serta arah letak orang yang dikebumikan. Namun seiring dengan perkembangan Kesultanan Aceh diiringi pula dengan perkembangan dalam bidang kesenian terutama pada seni memahat batu nisan. Para seniman diberikan kebebasan untuk mengembangkan kreativitinya (Repelita 2008: 90). Oleh itu, wujud pelbagai tipologi dan ragam hias nisan Aceh yang tersebar ke seluruh Nusantara. Antaranya ialah jenis batu Aceh Plak Pleng yang di jumpai di Tapak Lamreh, Aceh Besar, Indonesia.

Kaedah Kajian

Kajian ini melibatkan beberapa peringkat iaitu pengumpulan data, pengolahan data, survei, serta analisis data. Peringkat pengumpulan data dilakukan dengan kajian lalu, iaitu usaha untuk mendapatkan data yang berhubung kait dengan tapak kajian yang bertujuan untuk melihat kronologi perkembangan batu Aceh. Seterusnya survei permukaan yang melibatkan aktiviti pemerhatian langsung terhadap tinggalan arkeologi sehingga memperoleh bacaan taburan nisan. Peringkat seterusnya adalah mengambil gambar setiap nisan Plak Pleng yang dijumpai untuk diklasifikasi serta pemberian kod awal berdasarkan jenis nisan yang dijumpai. Analisis yang digunakan adalah analisis gaya. Analisis gaya ialah pengamatan terhadap bentuk ragam hias yang ada pada nisan Plak Pleng (Suantika 2014: 45).

Istilah “Nisan Plak Pleng”

Nisan Plak Pleng ialah salah satu bahagian batu Aceh yang menjadi ciri khas nisan Kerajaan Lamuri. Nisan Plak Pleng mempunyai ciri khas iaitu berbentuk dasar blok semakin tirus ke atas. Pada awalnya nama Plak Pleng merupakan sebuah nama yang diberikan masyarakat Aceh untuk nisan yang mempunyai ciri dasar blok semakin ke atas semakin kecil (Montana 1997: 87). Menurut

Repelita (2016: 135) Plak Pleng mempunyai makna terbuka ke atas dan ke bawah. Kemungkinan penamaan tersebut berdasarkan motif hias flora berupa bunga dengan kelopak yang terbuka ke atas dan ke bawah. Ada juga pendapat yang menyatakan nisan Plak Pleng merujuk kepada nama seorang raja di Aceh “raja Pelak Pleng” sekarang telah menjadi nama sebuah kompleks permakaman di Ulee Kareng, Banda Aceh.


Nisan Plak Pleng pertama sekali disebutkan dalam artikel Montana pada tahun 1997. Beliau melakukan penelitian di Aceh Barat dan Lamreh. Selain itu beliau berhasil menemukan nisan Plak Pleng di Lamreh dengan tarikh 1211 Masihi dengan nama Sulaiman di Abdullah bin Basyir. Nisan ini mempunyai beberapa bentuk daripada yang paling sederhana sehingga paling mewah. Ada beberapa hiasan yang sering dijumpai pada nisan Plak Pleng seperti hiasan geometris dan hiasan flora. Nisan ini diyakini sebagai nisan terawal atau nisan peralihan dari masa pra Islam kepada Islam. Ornamen dan simbol nisan Plak Pleng yang dijumpai di tapak Lamreh mempunyai bentuk hampir sama dengan nisan yang terdapat di tapak makam kuno Demak Troloyo dan Trowulan atau makam Reden Patah di Demak. Namun bentuk kedua nisan ini sangat berbeza (Hassan 1998: 99-101).

Nisan Plak Pleng Di Lamreh Aceh Besar

Lamreh merupakan sebuah nama kampung yang terletak di Aceh Besar, Provinsi Aceh, Indonesia. Berdasarkan peta geografi wilayah Kampung Lamreh sebelah utara bersempadan langsung dengan Selat Melaka, selatan bersempadan dengan kampung Beureunut dan kampung Ateuk Kecamatan Seulimum, dan barat bersempadan dengan Kampung Meunasah Keude dan Kampung Meunasah Mon (Badan Pusat Statistik Aceh Besar 2015). Jarak antara Kampung Lamreh dengan pusat bandar kota Banda Aceh sekitar 89 km.

Lokasi taburan nisan Plak Pleng ialah di kawasan bukit Lamreh yang berada di koordinat N5.61234 E.95.53163 dengan ketinggian 189 kaki dari paras laut. Tapak Lamreh merupakan tanah kosong milik masyarakat tempatan, sebahagiannya digunakan untuk keperluan pertanian dan penternakan. Lokasi bukit Lamreh dapat dijangkau dengan menggunakan kenderaan motosikal atau kereta. Pada jalan masuk ke tapak Lamreh, terdapat sebuah papan penunjuk arah menuju sebuah lorong ke bukit Lamreh atau makam raja-raja Lamuri. Secara umum taburan nisan terletak di atas bukit semak belukar luasnya mencapai 39 hektar.

Pada tahun 2017 penulis melakukan survei di kawasan tapak Lamreh dengan pasukan arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk melihat keadaan dan jumlah nisan Plak Pleng di tapak Lamreh. Berdasarkan hasil survei di Bukit Lamreh, dijumpai 242 makam dengan berbagai bentuk dan keadaan. Daripada 242 makam tersebut penulis telah memisahkan dan menghitung jumlah nisan Plak Pleng iaitu 56 buah berdasarkan pembahagian wilayah.



Peta 1: Peta umum taburan nisan raja-raja Lamuri di Tapak Lamreh, Aceh Besar
Sumber: Laporan pasukan survei USM dan Unsyiah 2016.

Di atas merupakan peta umum taburan nisan raja-raja Lamuri di tapak Lamreh. Beberapa kelompok nisan telah dibahagi ke dalam empat wilayah iaitu wilayah benteng Kuta Lubuk (SEL 1), Wilayah Lhok Cut (SEL 2), Wilayah Benteng Inong Balee (SEL 3), dan wilayah Makam Sirajul Muluk (SEL 4). Berikut ialah jadual jumlah nisan dan kondisi nisan Plak Pleng yang dijumpai di tapak Lamreh Aceh Besar.

Jadual 1. Jumlah batu nisan dan kondisi nisan Plak Pleng yang dijumpai di Lamreh Aceh Besar

Wilayah Taburan Batu Nisan	Jumlah	Utuh	Rosak
Wilayah Benteng Kuta Lubuk (SEL 1)	4	3	1
Wilayah Lhok Cut (SEL 2)	45	15	30
Wilayah Benteng Inong Balee (SEL 3)	5	1	4
Wilayah Makam Sirajul Muluk (SEL 4)	2	1	1
Jumlah	56	20	36

Nisan Plak Pleng Di Wilayah Benteng Kuta Lubuk (Sel 1)

Terdapat empat buah batu nisan Plak Pleng di wilayah Banteng Kuta Lubuk. Batu nisan ini mempunyai ukuran tinggi 80 cm, bahagian bawah nisan berbentuk segi empat sama ukuran lebar sisi 18x18 cm. Pada satu sisi bahagian kaki nisan paling bawah terdapat ukiran inskripsi kaligrafi dengan menggunakan khat naskhi (Foto 3). Manakala pada sisi lainnya terdapat ukiran bunga. Pada bahagian badan atas nisan dijumpai ornamen flora dan geometri spiral berbentuk huruf S yang diletakkan berlawanan arah. Selanjutnya corak flora atau *bungoeng awan sitangke* dibahagian badan nisan sejajar dalam empat tingkat. Saluran-saluran bunga juga menghiasi bahagian badan nisan. Seterusnya kepala nisan memiliki dua buah tingkat menyerupai stupa atau lingga.



Foto 1. Salah satu batu nisan Plak Pleng di wilayah Banteng Kuta Lubuk (Sel 1)

Foto 2: Corak *bungong awan sitangke*

Foto 3: Lukisan kaligrafi Khat Naskhi

Nisan Plak Pleng di wilayah Lhok Cut (SEL 2)

Batu nisan Plak Pleng yang dijumpai di wilayah Lhok Cut berjumlah 45 buah kebanyakannya sudah rosak dan tidak dijumpai secara *insitu*. Jenis nisan Plak Pleng yang dijumpai di kawasan ini mempunyai bentuk segi empat sama semakin ke atas semakin tirus atau mengecil menyerupai piramid dengan ukuran tinggi 70 cm. Bahagian badan bawah terdapat pahatan flora berbentuk motif bunga teratai dengan variasi beberapa bentuk, seperti teratai kelopak empat atau teratai kelopak lapan. Selain itu, terdapat juga ukiran teratai yang digabungkan dengan hiasan lainnya. Motif bunga teratai mendominasi batu-batu nisan di kawasan ini (Foto 5). Terdapat pula lukisan flora spiral menyerupai huruf S dengan motif sulur-sulur pola bunga atau tumbuhan menjalar pada badan bahagian atas. Pola sulur-sulur dipahat pada bahagian badan nisan dengan pola hias tumbuhan merambat dari satu sudut ke seluruh panel atau ruang. Bahagian kepala pula berbentuk satu atau dua tingkat berbentuk lingga.



Foto 4: Salah satu batu nisan Plak Pleng di wilayah Lhok Cut (SEL 2)



Foto 5: Corak bunga teratai

Wilayah Benteng Inong Balee (SEL 3).

Batu nisan Plak Pleng di wilayah Benteng Inong Balee berjumlah 5 buah. Namun hanya sebuah sahaja dalam keadaan masih utuh dan *insitu*. Nisan Plak Pleng di wilayah ini memiliki ukuran tinggi 65 cm. Ukuran sisi bahagian bawah nisan 18 cm manakala sisi yang lainnya berukuran 20 cm. Pada bahagian badan nisan terdapat ukiran kaligrafi dengan menggunakan khat naskhi manakala pada sisi lainnya memiliki ukiran bunga teratai. Pada bahagian atas nisan telah patah hanya tinggal bahagian kaki dan badan sahaja.




Foto 6: Salah satu batu nisan Plak Pleng di wilayah Benteng Inong Balee (SEL 3).

Wilayah Makam Sirajul Muluk (SEL 4).

Nisan Plak Pleng yang dijumpai di wilayah Makam Sirajul Muluk hanya mempunyai dua buah batu nisan sahaja. Keadaannya telah roboh dan tidak dijumpai secara *insitu*. Nisan ini berukuran besar dengan tinggi 100 cm. Bahagian kaki nisan berbentuk segi empat sama semakin ke atas semakin tirus dengan berukuran 25x25 cm. Ornamen atau hiasan yang terpahat pada nisan ini lebih rumit (Foto 4). Bahagian badan bawah dihiasi dengan kaligrafi khat naskhi. Pada badan bahagian atas dihiasi dengan pahatan geometri spiral huruf S yang saling berhadapan membentuk hiasan Kalamakara. Pahatan ornamen kalamakara yang sudah di gayakan sangat jelas terlihat pada bahagian badan nisan dengan jumlah empat tingkat. Kalamakara merupakan simbol yang sering digunakan pada pintu bangunan candi Hindu dan Buddha seperti Candi Mendut dan Candi Kidal di Jawa Tengah (Halim 2017: 23). Bahagian kepala nisan ini telah patah.



Foto 7: Salah satu batu nisan Plak Pleng di wilayah Makam Sirajul Muluk (SEL 4).



Foto 8 : Corak ukiran geometris spiral yang sudah digayakan membentuk Kalamakara

Kesimpulan

Tinggalan batu Aceh Plak Pleng di tapak Lamreh telah menambah koleksi batu Aceh di Aceh khususnya dan Asia Tenggara umumnya. Sebanyak 56 batu nisan Plak Pleng ditemukan di tapak Lamreh ada yang telah patah, rosak dan ada pula yang masih utuh. Ukiran atau corak yang banyak ditemui pada nisan Plak Pleng ialah kaligrafi, bunga teratai, *bungong awan sitangke*, ukiran spiral berbentuk huruf S, salur-salur bunga dan geometri. Batu nisan Plak Pleng secara relatifnya dihasilkan pada abad ke-13 sehingga 16 Masihi. Hal ini menerusi rekod daripada Montana dan bacaan epigrafi yang dilakukan semasa survei lapangan. Jumpaan 56 buah nisan Plak Pleng merupakan jumlah yang paling banyak jika dibandingkan dengan tapak lainnya sehingga menjadikannya sebagai salah satu batu nisan khas kerajaan Lamuri.

Penghargaan

Ribuan terima kasih kepada Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Asma Ismail kerana memberikan kepercayaan yang tinggi untuk melanjutkan studi di USM. Penyelidikan ini juga tidak akan dapat dijalankan tanpa adanya dana daripada geran Arkeologi Malaysia dan Global serta projek kerjasama Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Malaysia dan Universiti Syiah Kuala. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada staf-staf Pusat Penyelidikan Arkeologi Global dan semua staf yang banyak memberikan kerjasama dan bimbingan sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Hassan Muarif Ambary. 1998. *Menemukan Peradaban: Jejak Arkeologis dan Historis Islam Indonesia*. Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional.
- Badan Pusat Statistik Aceh Besar. 2015. Kecamatan Mesjid Raya dalam Angka 2015. Aceh Besar: Badan Pusat Statistik.
- Perret, Daniel & Razak, Kamruddin AB. 1999. *Batu Aceh warisan sejarah Johor*. Johor Baharu: École française d'Extrême-Orient (EfEO) & Yayasan Warisan Johor.
- Daniel Perret. 2007. Some Reflection on Ancient Islamic Tomstones Known as Batu Aceh in the Malay World. *Jurnal Indonesian and the Malay World* 35(103): 313-340.
- Daniel Perret. 2017. Riwat Ringkas Penyelidikan mengenai Makam-Makam Islam Lama di Maritim Asia Tenggara. Dlm. *Makam-makam Islam Lama di Maritim Asia Tenggara*. Disunting oleh Daniel Perret. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara & École Française d'Extrême-Orient dengan Kedutaan Besar Perancis di Malaysia.
- Halim, A. 2017. The Meaning of Ornaments in The Hindu and Buddhist Temples on The Island of Java (ancient-middle-late classical eras). *Riset arsitektur (RISA)* 1(2): 49-68.
- Montana, S. 1997. Nouvelles données sur les royaumes de Lamuri et Barat. *Archipel* 53: 85-95.
- Othman Yatim. 2002. Seni dan Peradaban di Perak: Satu Tinjauan Sejarah. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 15: 38-46
- Repelita Wahyu Utomo. 2016. Metamorfose nisan Aceh dari masa ke Masa. *Berkala Arkeologi Sangkhakala* 19(2): 130-147.
- Repelita Wahyu Utomo. 2008. Lamuri telah Islam Sebelum Pasai. *Berkala Arkeologi Sangkhakala* 21: 84-91.
- Suantika, I. 2014. Temuan Struktur di Situs Aimoli Kabupaten Alor, Nusa Tenggara Timur. *Forum Arkeologi* 27(2): 109-120.

Muhammad Noval
 Calon Sarjana
 Pusat Penyelidikan Arkeologi Global,
 Universiti Sains Malaysia
 Email: Muhammadnoval913@gmail.com

Husaini Ibrahim
Pensyarah
Universitas Syiah Kuala Aceh
Email: Husibram@gmail.com

Mokhtar Saidin (PhD)
Pengarah/Profesor
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global,
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
Email: mmokh@usm.my